

Hindari Sum'ah dan Riak dalam Amalan

 **Siri Hadis an-Nabawi** 072
2024 | البيان

HINDARI SUM'AH DAN RIAK DALAM AMALAN

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ سَمِعَ سَمْعَ اللَّهِ بِهِ، وَمَنْ رَأَى رَأَى اللَّهِ بِهِ

Daripada Ibnu Abbas r.a. beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda, maksudnya: "Sesiapa yang berbuat sum'ah, nescaya Allah memperdengarkan keburukannya kepada orang. Sesiapa yang berbuat riak, nescaya Allah akan memperlihatkan keburukannya."

(Hadis Riwayat Muslim, no.2986)



<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ حَفْصِ بْنِ غِيَاثٍ، حَدَّثَنِي أَبِي، عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ سَمِيْعٍ، عَنْ مُسْلِمِ الْبَطِينِ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ سَمِعَ سَمْعَ اللَّهِ بِهِ، وَمَنْ رَأَى رَأَى اللَّهِ بِهِ

Umar bin Hafs bin Ghiyast telah menceritakan kepada kami, Ayahku telah menceritakan kepadaku daripada Ismail bin Sumai', daripada Muslim al-Bathin, daripada Sa'id bin Jubair, daripada Ibnu Abbas berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesiapa yang berbuat sum'ah, nescaya Allah memperdengarkan keburukannya kepada orang. Sesiapa yang berbuat riak, nescaya Allah akan memperlihatkan keburukannya."

(Hadis Riwayat Muslim, no.2986)

Perbuatan riak merupakan perkara yang boleh merosakkan amal dan kita dituntut untuk menghindari setiap amal dengan riak. **Riak bermaksud berharap mendapat kedudukan dan kemuliaan daripada pandangan manusia dengan amal akhirat.** Manakala maksud **sum'ah** pula ialah melakukan sesuatu amalan atau kebaikan agar disebut-sebut dan dikenali ramai. seperti amalan solat iaitu seseorang melaksanakan solat dengan harapan agar orang lain menganggap dirinya sebagai orang yang banyak melakukan ibadah solat (ahli ibadah) dan warak. Begitu juga dengan puasa supaya orang menganggap dirinya sebagai orang yang banyak melakukan ibadah puasa sunat selepas mengerjakan puasa yang wajib. Maka tujuan seseorang yang riak melakukan amal-amal soleh itu hanyalah untuk mendapatkan kemuliaan daripada manusia dan disanjung tinggi dan meraih pujian daripada mereka.

Ketahuiilah bahawa setiap perbuatan riak akan menyebabkan amalan baik seseorang itu tertolak dan usahanya menjadi sia-sia. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* juga menamakan perbuatan riak ini sebagai syirik kecil atau syirik *khafi*. Allah *Subhanahu wata'ala* menyebut dalam surah al-Kahfi ayat 110:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

“Sesiapa yang mengharapakan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadat kepada Tuhannya.”

(Surah al-Kahfi 18:110)

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۗ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ ﴿٢٠﴾

“Sesiapa berkehendakkan (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan tambahkan faedah itu baginya dan sesiapa berkehendakkan faedah di dunia, Kami berikan kepadanya sebahagian daripada faedah dunia itu tetapi dia tidak akan mendapat bahagian di akhirat kelak.”

(Surah as-Syura 42:20)

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ﴿٦﴾ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ﴿٧﴾

“(Kalau orang yang demikian dikira sebagai orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (laitu) orang yang lalai daripada menyempurnakan solatnya. (Juga bagi) orang yang riak (dalam ibadat dan tindakannya). Dan orang yang tidak memberi sedikit pun pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).

(Surah al-Ma'un 107:4-7)

Justeru, berhati-hati daripada melakukan perbuatan riak adalah menjadi satu kewajipan yang perlu diambil berat oleh setiap hamba Allah *Subhanahu wata'ala*.

Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَثُورُ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا أَعْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشُّرِكِ، فَمَنْ أَشْرَكَ بِي فَهُوَ لَهُ كُفُّهُ فَمَنْ أَشْرَكَ بِي فَهُوَ لَهُ كُفُّهُ

"Allah Ta'ala berfirman: 'Aku adalah Tuhan yang paling tidak memerlukan sekutu (syirik). Barang siapa yang melakukan syirik kepada-Ku, maka Aku akan meninggalkannya bersama apa yang disyirikkan."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2985)

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ صَلَّى يُرَائِي فَقَدْ أَشْرَكَ، وَمَنْ صَامَ يُرَائِي فَقَدْ أَشْرَكَ، وَمَنْ تَصَدَّقَ يُرَائِي فَقَدْ أَشْرَكَ

"Barang siapa yang solat kerana ingin dilihat oleh orang lain, maka dia telah syirik. Barang siapa yang berpuasa kerana ingin dilihat oleh orang lain, maka dia telah syirik. Dan barang siapa yang bersedekah kerana ingin dilihat oleh orang lain, maka dia telah syirik."

(Hadis Riwayat Ahmad, no.17145)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا بِعَمَلٍ الْآخِرَةِ طُمِسَ وَجْهُهُ وَمُحِقَ ذِكْرُهُ وَأُتِيتَ اسْمُهُ فِي النَّارِ

"Barang siapa yang mencari dunia dengan amal untuk akhirat, maka wajahnya akan dipadamkan, sebutannya akan hilang, dan namanya akan tertulis di dalam neraka."

(Hadis Riwayat at-Tabarani, no.2128)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Oleh kerana itu, Allah *Subhanahu wata'ala* melarang hamba-hamba-Nya dalam beramal dan melaksanakan ibadah dengan riak dan sum'ah. Kedua-dua perbuatan ini menjadikan seseorang yang ingin beramal dan beribadah hanya mengharapkan imbalan dan pujian duniawi serta tidak murni niatnya. Sifat orang yang riak juga telah disebut dalam hadis Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

"Siapa yang memperelokkan solatnya ketika dihadapan manusia dan tidak memperelokkan solatnya ketika sendirian, maka ini adalah penghinaan yang menghinakan Tuhannya yang Maha Besar dan Maha Tinggi."

(Hadis Riwayat Ahmad dalam Sunan al-Kabir: 2:290)

Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama berusaha untuk beramal dan beribadah kepada Allah Subhanahu wata'ala tanpa mengharap pujian dan imbalan daripada manusia, akan tetapi hanya mengharapkan rahmat dan keredhaan-Nya. Semoga Allah *Subhanahu wata'ala* menerima amal ibadah kita dan menjadikan kita sebagai hamba-hamba yang selamat dari kemurkaan-Nya. Aamin, Wallahu a'lam.

